

SERDANG

23 OGOS 2007
- BERITA HARIAN -

Ekspo Tani bermula esok

10

Majlis Tertinggi Mahasiswa, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Majlis Perwakilan Pelajar universiti itu akan menganjurkan Ekspo Tani di Bukit Eskpo UPM, selama tujuh hari bermula esok.

Ekspo bertema Membudayakan Mahasiswa Gemilang itu dianjurkan sempena Majlis Konvokesyen UPM kali ke-31, sekali gus meraikan graduan yang berjaya menamatkan pengajian masing-masing.

Pelbagai kegiatan menarik diatur sepanjang ekspo berlangsung yang turut disertai sektor awam dan swasta serta badan bukan kerajaan.